

Terjerat godaan labur emas

Ejen penipu pamer kemewahan untuk pancing pelabur baharu

SHAH ALAM


Kes penipuan pelaburan emas di negara ini terus berleluasa ketika harga emas melonjak sehingga mencapai RM370 satu gram sekarang.

Dalam satu kes terbaru di Johor Bahru, seorang pengurus jualan sebuah syarikat elektronik terpaksa berputih mata apabila kerugian lebih setengah juta ringgit selepas menjadi mangsa pelaburan emas tidak wujud.

Timbalan Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Superintenden Lim Jit Huey pada Isnin lalu berkata, mangsa lelaki berusia 58 tahun itu berminat menyertai pelaburan menggunakan aplikasi Upbest tersebut kerana dijanjikan pulangan sebanyak 10 peratus daripada jumlah modal, hanya dalam tempoh 60 minit selepas wang dimasukkan.



MOHAMAD FAZLI



GAMBAR HIASAN

LAPORAN
KHAS

Pengetahuan dan penyelidikan yang teliti dalam memilih institusi pelaburan emas dapat mengurangkan risiko ditipu.

Pakar kewangan pengguna, Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, ejen pelaburan terutama emas menggunakan pelbagai modus operandi untuk menjerat mangsa.

"Mereka (ejen) memang belajar cara untuk memujuk atau memancing pengguna terutama di Facebook, Instagram dan sebagainya supaya pengguna terpengaruh dengan pulangan kewangan yang bakal diperoleh."

"Ejen akan tunjuk mereka pakai kereta mewah, gaya hidup seperti golongan T20 dan rumah besar untuk pengaruhi orang

ramai," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohamad Fazli yang juga Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia menegaskan, setiap pelaburan mempunyai risiko sama ada kecil atau besar.

"Kena faham, pelaburan emas bukan untuk jangka masa pendek tetapi tempoh sederhana dan panjang. Melabur hanya apabila ada pendapatan tambahan dan bukannya ketika sumber kewangan cukup-cukup makan."

"Tidak boleh letakkan 100 peratus modal dalam satu syarikat sahaja. Kena pelbagai portfolio menerusi instrumen pelaburan berbeza. Pilih institusi berdaftar, sahih dan yang mendapat

kelulusan daripada Bank Negara Malaysia," ujarnya.

Pensyarah kanan dan pakar kriminologi dari Universiti Utara Malaysia, Dr Zalmizy Hussin pula berkata, terdapat beberapa panduan penting yang harus diikuti sebelum menyertai pelaburan emas.

"Ini termasuk memastikan institusi pelaburan tersebut berdaftar dan dikawal selia oleh badan pengawal kewangan yang sah. Pelabur juga mesti melakukan penyelidikan menyeluruh tentang institusi pelaburan terbabit. Semak rekod perniagaan, sejarah dan reputasi mereka.

"Cari juga maklumat mengenai pengalaman dan perkhidmatan mereka di laman web rasmi, badan pengawal kewangan dan sumber-sumber kewangan yang diiktiraf," katanya.

Tambah Zalmizy, orang ramai juga wajar meneroka pelaburan dalam instrumen yang dikawal selia dan terlibat dalam pasaran kewangan yang sah.

Contohnya, jika berminat dengan pelaburan emas, mereka harus melabur melalui instrumen seperti emas fizikal yang disimpan di tempat yang selamat atau melalui produk kewangan yang dikawal selia seperti Exchange Traded Funds (ETF), katanya.

Jelasnya, ia akan membantu memastikan bahawa pelaburan itu dilindungi oleh peraturan dan

ANTARA KES MANGSA PELABURAN EMAS

Tahun 2024

- Ipoh:** Seorang wanita warga emas kerugian lebih RM6 juta apabila diperdaya skim pelaburan emas tidak wujud yang ditawarkan di media sosial.

Tahun 2023

- Selama:** Seorang kontraktor wanita berusia 35 tahun rugi RM41,000 selepas ditawarkan pelaburan emas.
- Seremban:** Dua wanita membuat laporan polis setelah mengalami kerugian hampir RM1.1 juta selepas menjadi mangsa penipuan pelaburan emas menerusi TikTok.
- Tawau:** Seorang ahli perniagaan wanita mendakwa menjadi mangsa penipuan pelaburan emas yang membabitkan kerugian lebih RM5 juta termasuk melibatkan pelaburan 300 pelabur lain.
- Sibu:** Guru sekolah swasta menanggung kerugian RM89,000 selepas menjadi mangsa penipuan pelaburan emas secara dalam talian.
- Johor Bahru:** Akibat terperdaya dengan skim pelaburan wang dan emas, seorang wanita kerugian RM180,000.
- Kota Bharu:** Seramai 1,500 individu berputih mata selepas tertipu dengan skim pelaburan emas sehingga mengakibatkan kerugian berjumlah RM100 juta.

undang-undang.

"Perkara yang paling penting adalah menghindari tawaran yang terlalu bagus untuk menjadi kenyataan. Kita perlu berhati-hati dengan tawaran pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tidak realistik atau terlalu tinggi," ujarnya.